


# KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

## Maksud Bekalan/Pembangunan 21



Mengurus RM	Pembangunan RM	Jumlah RM
	Cara Langsung      Pinjaman	
4,284,289,300	1,380,781,100      400,000,000	6,065,070,400

### OBJEKTIF

Menerajui proses-proses transformasi dalam sektor pertanian secara terancang, bersepadu dan menyeluruh berteraskan penggemblengan seluruh pemikiran dan tenaga organisasi ke arah pencapaian matlamat Dasar Agromakanan Negara.

### PELANGGAN

- (i) Pengeluar hasil pertanian (petani/peladang, penternak, nelayan);
- (ii) Pemproses hasil pertanian [pengilang, usahawan tani, pengusaha industri asas tani (IAT)];
- (iii) Pemasar hasil pertanian (pemborong, peruncit, pengedar, pengimport, pengeksport, peniaga);
- (iv) Pengguna bandar dan luar bandar (*consumer*);
- (v) Pelabur tempatan/asing;

- (vi) Badan antarabangsa; dan
- (vii) *Stakeholders* (Perdana Menteri, Jemaah Menteri, Menteri, Ketua Setiausaha Negara).

## STRATEGI

- (i) Meningkatkan daya saing negara dalam persekitaran global;
- (ii) Meningkatkan sumbangan sumber pertumbuhan baru dengan nilai tambah yang tinggi;
- (iii) Menyerap serta menyebarkan inovasi dan teknologi secara meluas;
- (iv) Meningkatkan penglibatan sektor swasta secara intensif; dan
- (v) Mengukuhkan keupayaan dan membudayakan keusahawanan.

## PROGRAM 1 : IBU PEJABAT

**Objektif** – Menggubal dasar, strategi dan program pembangunan pertanian selaras dengan Dasar Agromakanan Negara melalui pengurusan yang cekap dalam pentadbiran, perkhidmatan, perjawatan dan kewangan bagi mencapai objektif kementerian.

### Aktiviti 1 : Pengurusan

**Objektif** – (a) Memastikan perkhidmatan sokongan yang diberi kepada jabatan/bahagian/cawangan/unit di kementerian dan agensi dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; dan (b) Menjamin operasi setiap program/aktiviti dapat memenuhi tanggungjawab dan mencapai sasaran mengikut perancangan yang ditetapkan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. mesyuarat dengan Menteri	58	58	58
Bil. pemprosesan baucar	100,000	100,000	80,000
Bil. kenyataan atau liputan akhbar	200	200	200

### Aktiviti 2 : Perancangan

**Objektif** – (a) Menentukan dasar-dasar strategi/makro dalam sektor pertanian yang berkaitan komoditi makanan; (b) Memastikan maklumat dan statistik dalam bidang pertanian adalah tepat dan betul; dan (c) Menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam bidang yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. program Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera	60	60	60
Bil. khidmat nasihat pelaburan dan Pusat Pembangunan Perniagaan	300	300	300
Bil. seminar pelaburan	35	35	35
Bil. penyertaan sektor swasta	25	25	25

### Aktiviti 3 : Pembangunan

**Objektif** – (a) Menentukan pembangunan yang mapan bagi sektor pertanian, ternakan dan perikanan dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi petani, penternak dan nelayan; dan (b) Memastikan bekalan makanan adalah selamat, mencukupi dan boleh didapati dengan harga yang berpatutan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pengawasan pelaksanaan program pembangunan jabatan/agensi	125	125	125
Bil. pemeriksaan dan pengawasan belanjawan pembangunan jabatan/agensi	100	100	100
Bil. penyediaan kertas dasar, kajian dan laporan	90	90	90
Bil. pengurusetiaan kepada majlis/mesyuarat	100	100	100

### Aktiviti 4 : Industri Padi dan Beras

**Objektif** – (a) Tahap Sara Diri (SSL) beras tempatan dikekalkan pada kadar 70% dan akan dikaji dari semasa ke semasa mengambil kira jaminan bekalan beras dalam negara, senario pasaran beras global dan kos relatif pengimportan; (b) Memastikan bekalan beras kepada pengguna mencukupi, bermutu dan mudah diperolehi pada harga yang stabil dan berpatutan; dan (c) Memperkukuh industri padi dan beras selaras dengan pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Jum. pengeluaran padi setahun (tan metrik)	2,615,845	2,615,845	2,615,845
Bil. penguatkuasaan	15,567	15,567	15,567
Peratus perbelanjaan subsidi dan insentif (%)	100	100	100

### Aktiviti 5 : Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC)

**Objektif** – (a) Melahirkan tenaga kerja mahir pertanian agar menjadi sektor yang moden, dinamik dan berdaya saing; dan (b) Merancang, menyedia, menyelaras dan menilai keseluruhan keperluan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Jum. pembangunan Manual, Latihan (ML) dan <i>National dan Occupational Skill Standard</i> (NOSS) (unit)	9	9	9
Peratus pembangunan Kolej Perikanan Malaysia (%)	26	80	100
Bil. pelatih yang dilatih	2,507	3,000	3,857

### Aktiviti 6 : Pengairan dan Saliran Pertanian

**Objektif** – (a) Memastikan semua program pengairan pertanian yang dilaksanakan adalah selaras dengan dasar dan objektif Kerajaan; (b) Memastikan program pertanian yang dirancang oleh kementerian tidak tergendala; (c) Menambah baik prestasi pengurusan pengairan melalui penggunaan teknologi baru dan pengurusan moden; dan (d) Menghasilkan satu sistem saliran pertanian bersepadu yang efektif untuk mengoptimumkan produktiviti tanaman.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. bekalan sumber air pertanian yang mencukupi	2	2	2
Jum. keluasan kawasan pengairan dan saliran yang dibangunkan di kawasan sedia ada (jelapang dan luar jelapang) dan kawasan baru (hektar)	37,380	31,634	35,682
Bil. pengurusan air yang cekap dan berkesan	24	20	20
Jum. keluasan kawasan pengairan dan saliran yang diselenggara (hektar)	430,000	1,150,000	1,150,000
Bil. infrastruktur pertanian yang dibangunkan (bukan padi)	20	20	27

### PROGRAM 2 : PERTANIAN

**Objektif** – (a) Memberi perkhidmatan perundingan, sokongan teknikal dan khidmat nasihat yang profesional dalam pelbagai bidang pertanian khususnya tanaman makanan dan industri hiliran dan menentukan pengeluaran makanan yang mencukupi untuk keperluan negara; (b) Membimbing dan mewujudkan pengusaha pertanian yang progresif bagi meningkatkan produktiviti ladang dan pengeluaran pertanian negara; (c) Mewujudkan kumpulan tenaga yang terlatih dan mahir untuk keperluan industri pertanian; (d) Melindungi tanaman-tanaman (tanaman industri dan makanan) daripada ancaman perosak dan penyakit melalui program perlindungan tanaman dan perkhidmatan kuarantin; (e) Menentukan keluaran hasil-hasil tanaman makanan yang selamat dan mengawal pencemaran alam sekitar; dan (f) Mengawal bahan-bahan tanaman dan bahan jana plasma negara daripada dibawa ke luar negara dan terancam pupus.

### Aktiviti 1 : Pengurusan dan Regulatori

**Objektif** – (a) Mewujudkan satu sistem pengurusan yang cekap serta berkesan bagi memenuhi khidmat sokongan dan keperluan semua lapisan pengurusan jabatan; (b) Memastikan dasar dan program yang dirancang mematuhi matlamat Dasar Agromakanan Negara; (c) Mewujudkan aktiviti kawal selia, pengawasan, ramalan, diagnostik dan

kepakaran, demonstrasi, pemerhatian dan kawalan serangan daripada merebak bagi menjamin hasil tanaman dan pendapatan petani daripada kerosakan dan kehilangan akibat perosak tanaman; (d) Memberi khidmat sokongan teknikal dan sekretariat kepada Lembaga Racun Perosak; dan (e) Mewujudkan kakitangan dan tenaga kerja yang mahir melalui program latihan dalam perkhidmatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. petani yang diberi khidmat nasihat	414,500	504,000	504,000
Bil. petani yang diberi latihan kemahiran pertanian	4,513	4,283	4,480
Bil. permit import/ <i>Convention on International Trade in Endangered Species</i> (CITES), lesen eksport dan sijil fitosanitasi yang dikeluarkan	138,128	130,900	135,900
Bil. pendaftaran racun perosak yang diimport dan dikilang	527	700	700
Jum. luas tanah terbiar yang dibangunkan (hektar)	162	125	125

## Aktiviti 2 : Pembangunan Komoditi

**Objektif** – (a) Menggalak dan memajukan komoditi seperti padi, buah-buahan, sayur-sayuran serta tanaman industri dan bunga bagi meningkatkan pengeluaran secara komersial dan berkualiti; (b) Membangunkan industri komoditi pertanian secara komersial melalui peningkatan pengeluaran, produktiviti dan kualiti; dan (c) Mewujudkan khidmat sokongan dalam aspek kejuruteraan pertanian dan pengurusan tanah secara mapan untuk membantu memaksimumkan hasil dan pendapatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Jum. keluasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang digabungkan (hektar)	9,130	9,135	9,135
Bil. kuantiti pengeluaran benih kelapa MATAG/pandan (pokok)	125,430	130,000	130,000
Jum. keluasan ladang benih padi sah/daftar diperiksa (hektar)	38,656	40,000	40,000
Jum. keluasan siasatan tanah lengkap/separa lengkap (hektar)	63,290	25,000	25,000
Bil. ladang yang telah dipersijilkan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM)/Skim Organik Malaysia (SOM)	336	520	520

## PROGRAM 3 : PERKHIDMATAN VETERINAR

**Objektif** – (a) Mencegah, mengawal dan membasmi penyakit haiwan dan zoonosis; (b) Menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan ternakan; (c) Menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan makanan dan pemakanan ternakan; (d) Menentukan hasil daripada haiwan yang digunakan manusia adalah suci dan sesuai untuk dimakan; dan (e) Menentukan kesihatan dan kesejahteraan semua haiwan.

## Aktiviti 1 : Khidmat Pengurusan

**Objektif** – (i) Perancangan : (a) Memastikan dasar dan perancangan jabatan selaras dengan objektif jabatan dan dasar Kerajaan serta berjalan dengan berkesan; (b) Memastikan maklumat ekonomi ternakan adalah lengkap dan terkini; dan (c) Memastikan perhubungan awam dan antarabangsa jabatan dijalankan dengan baik; dan (ii) Pentadbiran dan kewangan : (a) Memastikan aktiviti utama (pentadbiran/kewangan/perkhidmatan/perjawatan) dilaksanakan dengan berkesan; (b) Memastikan peralatan dan ruang pejabat, pengurusan sistem fail dan pengangkutan jabatan disediakan dengan teratur dan selesa; (c) Memastikan semua pelantikan, pengesahan dalam jawatan, kenaikan pangkat, tata tertib dan sebagainya dilaksanakan dengan betul dalam tempoh yang ditetapkan; (d) Mengurus stor dan mengawal selia aset hidup (ternakan) dan aset bukan hidup (alih dan tak alih) dalam meningkatkan mutu perkhidmatan; dan (e) Menyelaraskan peruntukan tahunan jabatan supaya perbelanjaan teratur dan memenuhi keperluan jabatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. baucar bayaran diproses	7,433	8,000	8,000
Bil. sebut harga/tender diuruskan	46	65	65
Bil. waran peruntukan diluluskan	1,424	2,000	2,000
Bil. penukaran/penempatan dikendalikan	317	250	250
Bil. perkhidmatan rujukan diberikan	160	200	200

## Aktiviti 2 : Pengurusan Biosekuriti dan SPS (*Sanitary and Phyto-Sanitary*)

**Objektif** – (a) Merangka dan menyediakan dasar dan peraturan berkaitan kuarantin dan import/eksport haiwan dan produk haiwan berdasarkan risiko analisis yang dijalankan; (b) Mencegah, mengawal dan membasmi penyakit haiwan dan zoonosis untuk kesejahteraan haiwan dan kesihatan awam; (c) Menjana analisa risiko, kawalan biosekuriti dan pemantauan peraturan SPS; (d) Memastikan pengurusan keselamatan *drug* dan biologik veterinar yang mematuhi piawaian; (e) Mengadakan perkhidmatan import-eksport, laluan pasaran dan memantau perkhidmatan kuarantin; (f) Mengurus Pusat Kecemasan Kawalan Penyakit Veterinar; dan (g) Membangunkan kod amalan kebajikan haiwan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. ternakan divaksin/diuji/diperiksa untuk kawalan penyakit	232,828	300,000	300,000
Bil. aktiviti penyiasatan penyakit	149	150	150
Bil. Sijil Kesihatan Veterinar yang dikeluarkan untuk eksport	83,685	70,000	70,000
Bil. pemeriksaan daging ( <i>ante mortem/post mortem</i> ) dijalankan	320,470,672	130,000,000	130,000,000
Bil. premis yang menggunakan bahan biologik dan <i>drug veterinary</i> yang dipantau	1,310	1,200	1,200

## Aktiviti 3 : Diagnostik dan Kepastian Kualiti

**Objektif** – (a) Menggalakkan pengusaha ladang ternakan, loji pemprosesan, rumah penyembelihan dan makmal swasta menyertai Skim Pensijilan jabatan *Veterinary Health Mark* (VHM), Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT), *Gord Veterinary Hygiene Practices*



(GVHP) dan sijil pengiktirafan makmal swasta; (b) Memperkasakan perkhidmatan analisis makmal bagi menyokong program-program jabatan yang bertujuan menjamin kesihatan ternakan dan kesihatan awam melalui penganugerahan ISO 17025 di samping memastikan peralatan makmal berfungsi dan analisis makmal adalah tepat; dan (c) Memperkukuhkan penerapan sistem kualiti di peringkat jabatan dan industri ternakan melalui kerjasama kebangsaan, antarabangsa dan sumbangan kepakaran.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. Anugerah Pensijilan	437	180	180
Bil. ladang komersial mendapat Sijil SALT	376	386	392
Bil. sistem kualiti jabatan yang dibangunkan	12	15	18
Bil. penglibatan pembangunan Standard/Garis Panduan/Kod Amalan dengan lain-lain Agensi (SIRIM/KKM/JAKIM/ASEAN)	25	25	25
Bil. pengiktirafan sistem kualiti makmal (ISO 17025)	3	6	6

#### Aktiviti 4 : Penyelidikan

**Objektif** – (a) Melaksanakan aktiviti penyelidikan dari segi penyakit haiwan dan zoonotik, teknik diagnostik, vaksin dan produk biologik, sistem pengeluaran ternakan dan makanan ternakan, pembiakbakaan dan agrobiodiversiti, kualiti dan keselamatan makanan serta perniagaan tani; (b) Menjalankan perkhidmatan diagnostik ke atas sampel-sampel dengan cekap dan tepat; (c) Membangunkan kapasiti dan modal insan kepada anggota jabatan dan agensi luar untuk menjalankan penyelidikan berkualiti dan berkesan; dan (d) Mengadakan khidmat konsultasi teknikal dalam pelbagai aspek teknologi dan pelaksanaan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. projek penyelidikan dilakukan	80	60	70
Bil. pembentangan saintifik diadakan	90	100	110
Bil. penerbitan jurnal dihasilkan	22	20	20
Bil. penerbitan <i>Malaysian Journal of Veterinary Research</i> (MJVR) dihasilkan	2	2	2
Bil. sampel diuji	228,427	250,000	255,000

#### Aktiviti 5 : Penguat Kuasa

**Objektif** – (a) Menentukan wabak penyakit haiwan dalam negara tidak merebak melalui kawalan pemindahan ternakan; (b) Memastikan bekalan daging tempatan (lembu/kerbau/kambing/bebiri dan babi) daripada sumber yang diluluskan melalui kawalan penyembelihan; (c) Memastikan kebajikan haiwan terpelihara; dan (d) Mengurangkan pencemaran alam sekitar dengan memastikan semua ladang ternakan mematuhi syarat-syarat lesen penternakan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pemeriksaan yang dijalankan	54,940	55,000	55,000
Bil. kes yang disiasat	534	600	600
Bil. kes yang didakwa	88	150	150

## Aktiviti 6 : Pembangunan Komoditi Ternakan

**Objektif** – (a) Menggalak dan memperluas aktiviti integrasi ternakan ruminan dengan perladangan tanaman kekal (kelapa sawit dan getah); (b) Meningkatkan pengeluaran komoditi ternakan strategik yang bermutu untuk memenuhi keperluan pengguna dan industri asas penternakan bagi kegunaan dalam negara atau eksport; (c) Mewujudkan jaringan antara pengeluar, pengusaha dan pengguna untuk menjadikan pengeluaran dalam industri penternakan menjadi bersepadu dan berskala besar; (d) Mewujudkan suasana pelaburan industri ternakan yang selesa kepada para pelabur/pengusaha; dan (e) Meneroka dan menggalakkan pembangunan industri ternakan baru yang menguntungkan dan memenuhi permintaan serta cita rasa pengguna seperti pembangunan sarang burung walit, ternakan rusa, burung puyuh dan burung unta.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. khidmat veterinar yang dijalankan (kes)	16,475	15,990	15,990
Jum. kendalian susu segar (liter)	5,110,000	5,580,000	6,080,000
Jum. pemprosesan susu segar (liter)	20,300,000	22,320,000	24,340,000
Bil. pengagihan lembu baka (ekor)	2,786	1,859	2,000
Bil. ladang diberi perkhidmatan	9,900	9,719	9,782

## Aktiviti 7 : Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan

**Objektif** – (a) Menghasilkan sumber genetik ternakan yang bermutu dan produktif bagi menggalakkan pertumbuhan pengeluaran komoditi ternakan; (b) Meningkatkan kemajuan industri ternakan melalui pemodenan sistem pengurusan penternakan dan pembekalan sumber genetik; dan (c) Memberi khidmat nasihat kepakaran dan teknikal kepada individu/pengusaha sektor industri ternakan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. DIY - jurusantik baru dari kalangan penternak yang dilantik oleh unit pembiakbakaan	20	10	12
Bil. anak ternakan A1 (ekor)	9,273	7,200	7,250
Bil. baka dan bibit lembu (ekor)	1,659	1,650	1,650
Bil. baka dan bibit kambing (ekor)	1,221	1,250	1,250
Bil. baka dan bibit rusa (ekor)	247	250	250

## Aktiviti 8 : Pembangunan Industri Hiliran

**Objektif** – (a) Menyediakan perkhidmatan bagi menggerakkan dan membangunkan usahawan pemprosesan berasaskan hasil ternakan; dan (b) Menyediakan perkhidmatan abatoir bagi meningkatkan tahap kebersihan dan keselamatan makanan hasil ternakan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. karkas lembu/kerbau yang diproses	34,858	36,000	38,200
Bil. karkas kambing/bebiri yang diproses	27,640	28,100	30,150
Bil. karkas babi, lembu/kerbau, kambing/bebiri yang diperiksa	650,000	700,000	750,000
Bil. latihan usahawan yang diadakan	106	400	450
Bil. lawatan terancang dan berjadual yang diadakan	492	700	1,000



## Aktiviti 9 : Latihan dan Pembangunan Kerjaya

**Objektif** – Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta membina sikap dan etika yang positif di kalangan kakitangan dan penternak supaya mampu mencapai tahap kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pegawai/kakitangan yang dilatih	2,346	2,500	2,500
Bil. penternak dan individu lain yang dilatih	960	1,000	1,000

## PROGRAM 4 : PERIKANAN

**Objektif** – (a) Merealisasikan pengeluaran ikan untuk tujuan makanan sebanyak 2.6 juta tan metrik melalui sumbangan perikanan tangkapan yang optimum sebanyak 1.8 juta tan metrik dan akuakultur sebanyak 0.8 juta tan metrik; (b) Mencapai kadar pertumbuhan purata tahunan pengeluaran rumpai laut dan ikan hiasan sebanyak 10% dan 12%; (c) Pelaburan tambahan swasta mencapai RM10 bilion menjelang tahun 2020; (d) Menepati tadbir urus yang rapi bagi aktiviti-aktiviti utama jabatan dengan memperoleh Pensijilan ISO menjelang tahun 2015; (e) Membangun dan mengkomersialkan 10 teknologi baru menjelang tahun 2020; dan (f) Memastikan pendapatan kumpulan sasar jabatan yang terlibat dalam aktiviti perikanan melebihi RM3,000 sebulan.

### Aktiviti 1 : Pentadbiran dan Kewangan

**Objektif** – (a) Penyampaian perkhidmatan yang efektif dan memuaskan pelanggan; (b) Memastikan semua peruntukan dibelanjakan secara berhemah dan mematuhi semua prosedur kewangan yang berkuat kuasa; (c) Memastikan pengurusan aset alih dilaksanakan mengikut arahan pekeliling dan menguatkuasakan pengurusan aset hidup; (d) Membantu urusan perjawatan dengan menentukan pengisian jawatan oleh pegawai-pegawai yang berkelayakan di samping melengkapkan kakitangan sedia ada dengan latihan; (e) Memastikan kelancaran urusan-urusan perkhidmatan; (f) Memastikan Jabatan Perikanan Malaysia dilengkapi dengan undang-undang yang mencukupi untuk mentadbir industri perikanan dengan cekap dan rasional; (g) Memastikan undang-undang perikanan diimplimentasi dengan betul dan berkesan; dan (h) Memainkan peranan utama dalam melaksanakan peruntukan di bawah Akta Perikanan 1985 yang berkaitan dengan mengkompaunkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta tersebut.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pelaksanaan pengurusan perolehan	6	6	6
Bil. urusan menaik taraf dan menyelenggara kuarters	13	18	20
Jum. urusan mewujudkan faedah nilai terbaik terhadap aset/stok Kerajaan (RM)	78,500	81,650	81,650
Bil. urusan mewujudkan perkhidmatan pengurusan	5,208	5,208	5,208

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. kes diterima dan diproses	479	1,000	1,000
Bil. kes kompaun di bawah Akta Perikanan 1985	366	800	800
Bil. kes di bawah Akta Perikanan 1985 yang diberi Amaran, Lupus dan Sita	58	100	100
Bil. kes yang dibebaskan tanpa pendakwaan	15	60	60
Bil. pendakwaan/rayuan kes di mahkamah	6	20	20

### Aktiviti 2 : Pengurusan dan Perlindungan Sumber

**Objektif** – (a) Mengurus sumber perikanan laut pantai, laut dalam dan antarabangsa secara bertanggungjawab supaya ianya terus berkekalan dan tidak berlaku kemerosotan sumber seperti mana yang ditetapkan dalam Konvensyen Undang-Undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCLOS) dan *Code of Conduct for Responsible Fisheries* (CCRF); (b) Memantau dan memelihara keseimbangan habitat dan sumber marin untuk menjamin kepelbagaian spesies bagi kepentingan negara dari segi pengeluaran ikan dan keindahan alam sekitar; (c) Mengurus sumber perikanan perairan darat termasuk sungai, tasik dan empangan secara bertanggungjawab supaya ianya terus berkekalan dan tidak berlaku kemerosotan sumber; (d) Memesatkan pembangunan perikanan laut dalam dan antarabangsa untuk meningkatkan pengeluaran ikan negara; (e) Mengurus sektor perikanan (Perikanan Tangkapan dan Rekreasi) dengan mengambil kira status sumber berdasarkan maklumat saintifik yang diperolehi; (f) Melaksanakan dasar dan prosedur pelesenan untuk mengawal tahap eksploitasi sumber pada tahap optimum dan tidak menyebabkan masalah kemerosotan; (g) Merancang dan menyediakan dasar strategi untuk Pembangunan Perikanan Tuna serta dasar mengenai kru bukan warganegara dan warganegara; dan (h) Memeriksa dan memverifikasi vesel, nelayan, peralatan dan premis.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. instrumen dan aktiviti pengurusan sumber perikanan (aktiviti)	53	53	52
Bil. program pemantauan pendaratan penyu yang diuruskan	6,000	5,500	6,000
Bil. operasi bersepadu yang dijalankan	10	10	10
Peratus aduan nelayan diambil tindakan (%)	10	10	10
Bil. kes tangkapan asing	65	70	80

### Aktiviti 3 : Perancangan dan Korporat

**Objektif** – (a) Menyelaras program, projek dan aktiviti jabatan dilaksanakan selaras dengan dasar-dasar semasa Kerajaan dan menyelia serta memantau pelaksanaan projek pembangunan yang cekap; (b) Memastikan tahap ketersediaan dan prestasi sistem ICT yang tinggi serta menyediakan data perikanan yang berintegriti, berkualiti dan boleh dipercayai; dan (c) Menyediakan khidmat dan memastikan mutu kualiti pengurusan sumber manusia memenuhi keperluan sektor perikanan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. penyediaan ulasan ke atas Kertas Jemaah Menteri, Parlimen dan Dasar-Dasar Peringkat Nasional	30	36	40
Bil. prestasi perbelanjaan projek pembangunan mengikut program disiapkan mengikut jadual	19	24	24
Bil. siasatan dan penilaian permohonan insentif pelaburan dari pihak swasta	40	40	40
Bil. program pengajian lanjutan	17	15	15
Peratus pencapaian piagam pelanggan jabatan (%)	100	95	95

#### Aktiviti 4 : Pengembangan dan Didikan

**Objektif** – (a) Meningkatkan taraf pengetahuan dan kemahiran masyarakat nelayan dan pengusaha perikanan serta melahirkan tenaga mahir dan terlatih di dalam bidang perikanan pantai, perikanan laut dalam, teknologi lepas tuai dan pemprosesan; (b) Memastikan khidmat bimbingan, dorongan dan nasihat diberikan kepada nelayan dan pengusaha perikanan mengenai kepentingan mempelbagaikan aktiviti mereka untuk meningkatkan tahap pengeluaran; (c) Merangka perancangan bagi meningkatkan tahap penyertaan pengusaha perikanan di dalam semua peluang pembangunan perikanan terutama penyertaan Bumiputera; dan (d) Mewujudkan kefahaman dan kesedaran kepada pengusaha-pengusaha berkenaan isu perikanan serta menjalinkan hubungan kerjasama yang baik antara pengusaha dan pihak Kerajaan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Urusan pemindahan teknologi :			
(i) Bil. kemahiran teknikal	69	60	60
(ii) Bil. demo insitu/bengkel bergerak	167	90	90
(iii) Bil. pendedahan industri	30	12	12
Urusan transformasi kumpulan sasar :			
(i) Bil. majlis interaksi	93	70	70
(ii) Bil. seminar	21	15	12
(iii) Bil. kempen kesedaran	48	40	40
Urusan promosi dan publisiti :			
(i) Bil. pameran	123	80	80
(ii) Bil. penerbitan	74	25	25
(iii) Bil. hebahan media massa	99	50	50

#### Aktiviti 5 : Penyelidikan

**Objektif** – (a) Memastikan maklumat saintifik dan teknologi dalam bidang perikanan pantai sentiasa dikemas kini supaya kerja pengurusan sumber perikanan bagi mengekalkan pengeluaran ikan pada tahap optimum berjalan lancar; (b) Meningkatkan mutu alam akuatik yang sesuai dengan kehendak perikanan; (c) Memastikan maklumat saintifik dan teknologi dalam bidang pengendalian hasil perikanan yang disediakan boleh membantu mendapatkan hasil yang bermutu dan selamat dimakan; dan (d) Memastikan maklumat saintifik dan teknologi yang ada dapat mewujudkan alat-alat penangkapan ikan yang lebih selektif dan tidak merosakkan sumber perikanan serta alam sekitar.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Teknologi diguna pakai :			
(i) Bil. projek penyelidikan yang dilaksanakan	101	46	60
(ii) Bil. teknologi baru yang dihasilkan	14	9	9
(iii) Bil. teknologi yang diguna pakai	2	2	7
(iv) Jum. program pemindahan teknologi/khidmat nasihat	409	460	460
Produk R&D berkualiti :			
(i) Bil. harta intelek/IP dijana	3	2	3
(ii) Jum. penulisan saintifik/teknikal (berwasit/tidak berwasit)	126	75	120
(iii) Bil. pembentangan dalam persidangan/seminar/mesyuarat teknikal dalam dan luar negara	120	120	130
(iv) Bil. judul buku teknikal/umum yang diterbitkan	10	11	11
(v) Bil. penyelidik menjalani latihan peringkat sarjana dan kedoktoran	7	7	7

### Aktiviti 6 : Kejuruteraan

**Objektif** – (a) Memastikan perkhidmatan sokongan kejuruteraan yang cekap, sempurna dan berkesan; (b) Memastikan semua bot jabatan diselenggarakan mengikut jadual dan selamat digunakan; (c) Memperkenalkan dan meningkatkan keupayaan teknologi moden serta peralatan yang sesuai bagi menambah daya pengeluaran dalam perusahaan perikanan; dan (d) Memajukan sektor akuakultur dan pembangunan fizikal projek akuakultur.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. vesel diselenggara dan dibaiki	25	25	25
Bil. bangunan dan kemudahan perikanan di selenggara	20	20	20
Bil. vesel diperiksa dan diuji	100	100	100
Jum. program inovasi diadakan	16	16	16

### Aktiviti 7 : Pembangunan Akuakultur

**Objektif** – Menyelaras semua program berkaitan akuakultur bagi jaminan bekalan makanan melalui penjanaan teknologi dalam mentransformasikan akuakultur menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan penglibatan pihak swasta dalam membangunkan industri akuakultur secara mampan selari untuk meningkatkan daya saing melalui keberkesanan kos dan produktiviti.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Jum. pengeluaran udang laut setahun (tan metrik)	99,600	110,200	121,900
Jum. pengeluaran ikan laut setahun (tan metrik)	50,000	55,300	61,100
Jum. pengeluaran kerang-kerangan setahun (tan metrik)	104,500	105,500	106,600
Jum. pengeluaran udang galah setahun (tan metrik)	2,400	2,700	2,900
Jum. pengeluaran ikan air tawar setahun (tan metrik)	167,200	179,500	192,700

## Aktiviti 8 : Biosekuriti Perikanan

**Objektif** – Menyelaras semua program berkaitan biosekuriti perikanan bagi makanan berasaskan ikan dan ikan hiasan yang merangkumi sumber dari perikanan tangkapan dan sumber akuakultur.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. program pensijilan ladang sistem ternakan akuakultur kolam, sangkar, tangki termasuk pengeluaran rumpai laut melalui pensijilan dilaksanakan	154	165	165
Bil. program pendaftaran ladang arowana di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesis Terancam 2008 (Akta 686) dilaksanakan	18,200	18,640	18,640
Bil. permohonan Akreditasi MS ISO/IEC 17025:2005 bagi Makmal-Makmal Biosekuriti Perikanan diterima	273	402	402
Bil. program pengawasan penyakit ikan dan udang dilaksanakan	616	666	666
Bil. program <i>Aquaculture Residue Monitoring Programme</i> (ARMP) dilaksanakan	7,919	8,347	8,347

## Aktiviti 9 : Pejabat Perikanan Negeri

**Objektif** – (a) Penyampaian perkhidmatan yang efektif dan memuaskan pelanggan; (b) Memastikan semua peruntukan dibelanjakan secara berhemah dan mematuhi semua prosedur kewangan yang berkuat kuasa; (c) Memainkan peranan utama dalam melaksanakan peruntukan di bawah Akta Perikanan 1985 yang berkaitan dengan mengkompaunkan kesalahan-kesalahan di bawah akta tersebut; (d) Mengurangkan aduan-aduan berkaitan perkhidmatan perikanan di peringkat negeri dan daerah; (e) Melaksanakan fungsian aktiviti Pentadbiran, Pelesenan dan Pengurusan Sumber, Perlindungan Sumber, Perancang dan Pembangunan, Teknologi Maklumat (IT) dan Sistem Maklumat Perangkaan Perikanan (SMPP), Pengembangan Laut, Akuakultur, Biosekuriti Perikanan, Komunikasi dan Kejuruteraan; (f) Mengurus serta memantau projek-projek pembangunan bagi negeri Sarawak di bawah peruntukan kementerian; (g) Menyelaras dan melaksanakan program promosi peringkat negeri dan daerah; (h) Merancang dan melaksana program galakan penyertaan swasta dalam industri perikanan secara komersial atau besar-besaran; dan (i) Melaksanakan segala pemeriksaan dan pemantauan berkaitan perkhidmatan perikanan di negeri dan daerah seterusnya diselaraskan oleh Ibu Pejabat mengikut Aktiviti.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. urusan pelaksanaan pengurusan perolehan	50	55	60
Jum. rondaan oleh bot peronda jabatan	992	1,000	1,000
Jum. vesel laut pantai yang diperiksa dan dilesenkan setahun	54,235	48,446	48,446
Bil. urusan pendaftaran nelayan tempatan	107,509	110,000	110,000
Jum. vesel laut dalam yang diperiksa dan dilesenkan setahun	1,400	1,400	1,450



## PROGRAM 5 : PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA

**Objektif** – (a) Memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma yang diimport ke dalam Malaysia bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar dan tidak menjejaskan sektor pertanian Negara serta mematuhi aspek kesihatan manusia, binatang, tumbuhan, ikan dan keselamatan makanan; (b) Mengkuarantinkan dan memeriksa apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, premis, pengangkut atau apa-apa benda lain di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin; (c) Memudahkan dan mengadakan khidmat nasihat kepada pengimport, pengeksport dan ejen yang terlibat dalam import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan berkaitan pematuhan syarat-syarat import dan eksport; dan (d) Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan produk pertanian dan makanan serta meningkatkan kesedaran kepada pelanggan mengenai keperluan undang-undang bertulis berkaitan.

**Aktiviti** – (a) Menguatkuasakan semua undang-undang bertulis yang berkaitan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin untuk memastikan bahawa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan yang diimport ke dalam dan dieksport ke luar Malaysia mematuhi aspek kesihatan manusia, binatang, tumbuhan dan ikan dan keselamatan makanan; (b) Mengeluarkan permit, lesen dan perakuan bagi maksud import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma; (c) Memastikan bahawa semua tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan yang diimport ke dalam dan dieksport ke luar Malaysia digredkan, dibungkuskan dan dilabelkan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan; dan (d) Menubuhkan dan menguruskan stesen kuarantin.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pengeluaran permit import dan eksport	67,463	111,330	300,000
Bil. pemeriksaan dan pelepasan konsainan (dagangan dan bagasi) import dan eksport	128,654,474	53,570,000	131,500,000
Bil. pemeriksaan binatang dan tumbuh-tumbuhan di Stesen Kuarantin dan Premis Kuarantin Swasta	72,690	90,159	100,250
Bil. tindakan tatacara kuarantin	13,130	14,548	15,000
Bil. pemantauan dan penyaringan penyakit/ perosak terhadap konsainan import di pintu masuk dan premis kuarantin dan stesen kuarantin	10,000	19,176	20,000

## PROGRAM 6 : INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

